



TERMA DAN SYARAT



DI BAWAH ADALAH SYARAT-SYARAT PENGGUNAAN SISTEM WASIAT & HIBAH (SISWA) MAIS SERTA HAK DAN KEWAJIPAN ANDA SEMASA MENGAKSES DAN/ATAU MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN DI SISTEM INI.

SEKIRANYA ANDA MENGAKSES SISTEM INI, IA MERUPAKAN PENGAKUAN DAN PERSETUJUAN BAHAWA ANDA TERIKAT KEPADA SYARAT-SYARAT INI DAN DENGAN INI, TERBENTUKLAH SATU PERSETUJUAN DI ANTARA ANDA SEBAGAI PELANGGAN, DAN KAMI, BAGI AKSES DAN/ATAU PENGGUNAAN SISTEM INI.

WALAU APA PUN DAN TANPA MENYENTUH MAKSUD UMUM KLAUSA-KLAUSA DI DALAM TERMA DAN SYARAT INI, ANDA DENGAN INI BERSETUJU BAHAWA AKSES KEPADA SISTEM INI DAN PENGGUNAAN PERKHIDMATAN ADALAH ATAS RISIKO ANDA SENDIRI DAN ANDA, TANPA SYARAT, BERSETUJU SEPENUHNYA AKAN MENANGGUNG SEMUA RISIKO, BERSAMPINGAN DENGAN ATAU BERBANGKIT DARIPADA PENGGUNAAN SISTEM INI DAN PERKHIDMATAN DI DALAMNYA.

JIKA PADA BILA-BILA MASA ANDA TIDAK BERSETUJU DENGAN MANA-MANA ATAU SEMUA TERMA DAN SYARAT INI, SILA TAMATKAN SEMUA AKSES ANDA KEPADA SISTEM INI DAN/ATAU PENGGUNAAN PERKHIDMATAN.

PERATURAN PENGGUNAAN

Anda bersetuju dan mengakur janji untuk TIDAK menggunakan sistem, Isi Kandungan dan Perkhidmatan yang terkandung di dalamnya untuk tujuan yang mungkin termasuklah menyalahi hak-hak atau menyekat kepenggunaan dan mengikut sistem, Isi Kandungan dan Perkhidmatan dan ini termasuk :

- a. Untuk mempamerkan apa-apa kelakuan, perbuatan atau bahan yang menyalahi undang-undang, menghina, mengandungi unsur-unsur lucah, kurang sopan, fitnah, hasutan, menghina atau membenci, pemalsuan, perkauman dan/atau yang boleh mengganggu individu, memberikan tekanan atau menyebabkan perasaan tidak senang atau menggugat privasi individu lain, mengandungi ancaman atau e-mel yang mendatangkan kesalahan jenayah, menimbulkan liabiliti sivil atau menyalahi mana-mana peraturan atau

- undang-undang tempatan, negeri, negara atau antarabangsa; penggunaan bahan yang mungkin menyalahi hak cipta, tanda dagang atau apa-apa harta intelek;
- b. Akses atau penggunaan data tanpa kebenaran, sistem atau rangkaian sistem termasuk sebarang percubaan untuk membuktikan, mengimbas atau menguji keutuhan sistem atau rangkaian sistem;
 - c. Mengawasi data atau trafik sebarang sistem atau rangkaian sistem tanpa mempunyai kebenaran yang sah;
 - d. Menggunakan atau menyertakan sebarang virus, '*Trojan horses*', '*time bombs*', '*worms*', '*cancelbots*' atau sebarang cara seumpamanya yang boleh merosakkan, mengganggu, memintas atau merampas mana-mana sistem; atau mengganggu Perkhidmatan mana-mana pengguna, hos atau rangkaian sistem termasuk dan tidak terhad kepada '*mail bombing*', '*flooding*', '*broadcast attacks database*' atau meletakkan sebarang beban tambahan atau tidak perlu ke atas sistem;
 - e. Memintas sebarang pengesahan pengguna atau keselamatan sebarang hos, rangkaian sistem atau akaun (pencerobohan atau penggodaman atau percubaan untuk menceroboh atau menggodam); dan
 - f. Menjual semula atau menyediakan sistem, Isi Kandungannya dan Perkhidmatan atau mana-mana bahagian kepada individu lain atau entiti untuk keuntungan atau sebaliknya.

Pentadbir mempunyai budi bicara mutlak untuk memadam atau meminda sistem ini, Isi Kandungan dan Perkhidmatan dan Peraturan Penggunaan.

Pentadbir sistem mempunyai hak untuk menyiasat sebarang kebarangkalian penyalahgunaan Peraturan Penggunaan.

HAD TANGGUNGJAWAB

Anda dengan jelas memahami dan bersetuju bahawa MAIS tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kerugian, secara langsung atau tidak langsung, yang berkaitan atau khusus, turutan atau *exemplary*, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian berbentuk kehilangan keuntungan, kepercayaan atau kerugian tak ketara yang lain akibat daripada:

1. Penggunaan atau ketidakupayaan untuk menggunakan perkhidmatan ini;
2. Kos perolehan barangan dan perkhidmatan sumber berikutan pembelian sebarang barangan, data, maklumat atau perkhidmatan atau mesej yang diterima atau transaksi yang dibuat menerusi atau daripada sistem ini;

3. Akses tanpa kebenaran atau perubahan dalam penghantaran atau data anda;
4. Kenyataan atau tindakan pihak ketiga di sistem ini; atau
5. Perkara-perkara lain yang berkaitan dengan sistem ini.

PAUTAN SISTEM

MAIS boleh menyediakan pautan kepada laman web yang lain. Laman-laman web tersebut dimiliki dan dikendalikan oleh pihak ketiga dan oleh itu, kami tidak mempunyai kawalan ke atas laman dan sumber tersebut. Anda mengakui dan bersetuju bahawa MAIS tidak bertanggungjawab terhadap pautan dan sumber luar tersebut dan tidak menyokong serta tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kandungan, iklan, produk atau bahan-bahan lain yang disediakan di pautan dan sumber tersebut. Anda seterusnya mengakui dan bersetuju bahawa MAIS tidak bertanggungjawab, secara langsung atau tidak langsung, terhadap sebarang kerosakan atau kerugian yang disebabkan oleh atau dipercayai sebagai sebabnya atau dikaitkan dengan penggunaan atau pergantungan ke atas kandungan, barangan atau perkhidmatan yang disediakan di atau menerusi pautan atau sumber tersebut.

PENAMATAN SISTEM

MAIS boleh menamatkan akses anda ke mana-mana bahagian perkhidmatan atau seluruh perkhidmatan dan mana-mana perkhidmatan yang berkaitan dalam sistem ini pada bila-bila masa, dengan sebab atau tanpa sebab, dengan notis atau tanpa notis, dan berkuat kuasa serta-merta. MAIS boleh juga menamatkan atau menggantung akaun anda yang tidak aktif, iaitu, didefinisikan sebagai kegagalan untuk menggunakan perkhidmatan sistem menerusi akaun tersebut bagi suatu tempoh tertentu. Anda bersetuju bahawa MAIS tidak bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga atas penamatan akses kepada perkhidmatan sistem tersebut.

HAKMILIK HARTA INTELEK

Isi kandungan sistem ini adalah dilindungi hak cipta dan undang-undang hakmilik dan harta intelek yang sewajarnya, dan ia akan kekal sebagai hak tunggal MAIS. Anda dilarang mengeluarkan semula atau berniat untuk mengeluarkan semula dalam sebarang bentuk, apa-

apa sahaja daripada sistem ini, sama ada secara penuh atau sebahagian, tanpa mendapatkan kebenaran secara lisan dari MAIS sebelumnya.

Merujuk kepada subjek di atas, anda bagaimanapun, boleh memuat turun dan melihat bahan atau mencetak salinan bahan daripada sistem ini untuk kegunaan sendiri atau penggunaan bukan-komersil asalkan anda tidak mengubah salinan dari sebagaimana ia sepatutnya terpapar daripada sistem ini (termasuklah notis hak cipta). Sebarang hak yang tidak tertera di bawah Terma dan Syarat adalah terpelihara.

PERUBAHAN KEPADA SYARAT-SYARAT PERKHIDMATAN SISTEM

MAIS mempunyai hak untuk membuat perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan kepada syarat-syarat ini pada bila-bila masa dengan memberi notis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, dalam keadaan kecemasan atau demi menjaga keselamatan sistem atau dalam keadaan di luar kawalan, di mana MAIS mendapati perlunya untuk mengubah, mengubahsuai, membatalkan atau menambah syarat-syarat ini, ia akan berbuat demikian tanpa notis terdahulu kepada anda. Adalah dipersetujui bahawa anda akan mengakses dan meneliti syarat-syarat ini dari semasa ke semasa untuk mengetahui sebarang perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan yang terkini. Anda selanjutnya bersetuju dan menerima bahawa akses secara berterusan dan penggunaan syarat-syarat (yang diubah atau diubahsuai dari semasa ke semasa) akan dianggap sebagai penerimaan anda terhadap sebarang perubahan, pengubahsuaian, pembatalan atau penambahan kepada syarat-syarat ini.

PENGUBAHSUAIAN KEPADA PERKHIDMATAN SISTEM

MAIS mempunyai hak untuk mengubahsuai atau menamatkan perkhidmatan (atau sebahagian daripada perkhidmatan) sama ada secara sementara atau tetap pada bila-bila masa dengan notis atau tanpa notis. Anda bersetuju bahawa MAIS tidak bertanggungjawab kepada anda atau mana-mana pihak ketiga atas sebarang pengubahsuaian, penggantungan atau penamatan perkhidmatannya.

UMUM

Tajuk-tajuk yang digunakan di bawah syarat-syarat ini hanya untuk rujukan dan tidak boleh diambil kira dalam tafsiran syarat-syarat ini.

Sekiranya mana-mana peruntukan syarat-syarat ini menyalahi undang-undang atau tidak sah di sisi undang-undang atau peraturan-peraturan sekarang atau yang akan datang, peruntukan tersebut akan diasingkan dan syarat-syarat ini akan ditafsirkan seolah-olah peruntukan yang tidak sah itu tidak wujud dan syarat-syarat ini bersama-sama peruntukan lain akan berkuat kuasa sepenuhnya tanpa dijejaskan oleh peruntukan yang menyalahi undang-undang atau yang tidak sah.